

SAMBUTAN HARI KELUARGA PUKALUB



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5734-sambutan-hari-keluarga-pukalub

SUBANG, 15 Dis 19 – Pusat Kawalan Lalulintas Udara Bersama TUDM (PUKALUB Subang) telah mengadakan Sambutan Hari Keluarga dari 14 Dis hingga 15 Dis 19 bertempat di Sugeh Resort, Janda Baik Pahang.

Program yang dirasmikan oleh Pegawai Memerintah, Lt Kol Mohamad Zain bin Daud TUDM ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan lagi ukhwah keluarga besar PUKALUB dan seramai 71 anggota bersama keluarga serta mantan–mantan Pegawai Memerintah PUKALUB turut sertai Hari Keluarga pada kali ini.





Sambutan kali ini lebih istimewa dan mempunyai nilai sentimental tersendiri kerana ianya merupakan sambutan kali terakhir unit ini sebagai JATCC Subang sebelum ianya dikenali sebagai JAMCC Sepang apabila berpindah ke Sepang pada tahun 2020 kelak.

Pelbagai aktiviti diadakan seperti malam BBQ, Senamrobik, sukaneka, acara tarik tali antara kumpulan SPU dan cabutan bertuah. Program ini diakhiri dengan pemberian cenderahati kepada Pegawai dan anggota yang akan bertukar keluar oleh Pegawai Memerintah.